

KETUA HAKIM NEGARA  
MAHKAMAH PERSEKUTUAN  
MALAYSIA  
KUALA LUMPUR



CHIEF JUSTICE  
FEDERAL COURT  
MALAYSIA  
KUALA LUMPUR

K.H.N. 224

22 Oktober, 1998

Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi  
Yang Arif Pesuruhjaya Kehakiman

Yang Arif,



Akta Bahasa Kebangsaan

Seksyen 8 Akta Bahasa Kebangsaan setelah dipinda oleh Akta A 765/90 berkuatkuasa pada 19.2.1990 menyatakan -

"Akta A 765/90 berkuatkuasa 19.2.1990

8. Bahasa Mahkamah

Segala prosiding (selain daripada pemberian keterangan oleh seseorang saksi) dalam Mahkamah Agung, Mahkamah Tinggi atau mana-mana Mahkamah Rendah hendaklah dalam bahasa kebangsaan:

Dengan syarat bahawa Mahkamah boleh, sama ada atas kehendaknya sendiri atau atas permintaan mana-mana pihak dalam mana-mana prosiding dan selepas menimbangkan kepentingan keadilan dalam prosiding itu, memerintahkan supaya prosiding itu (selain daripada pemberian keterangan oleh seseorang saksi) dijalankan sebahagiannya dalam bahasa kebangsaan dan sebahagiannya dalam bahasa Inggeris.

(Act A765/90 w.e.f. 19.2.1990

8. Language of Courts

All proceedings (other than the giving of evidence by a witness) in the Supreme Court, the High Court or any Subordinate Court shall be in the national language:

Provided that the Court may either of its own motion or on the application or any party to any proceedings and after considering the interests of justice in those proceedings, order that the proceedings (other than the giving of evidence by a witness) shall be partly in the national language and partly in the English language.)"

2. Peruntukan yang telah berkuatkuasa selama lapan tahun ini, adalah jelas dan hendaklah dipatuhi dan dikuatkuasakan.

3. Mahkamah Sesyen dan Majisteret telah lama menjalankan perbicaraan sepenuhnya didalam bahasa Kebangsaan. Ramai juga Hakim Mahkamah Tinggi yang menjalankan perbicaraan sepenuhnya dalam bahasa Kebangsaan. Bagi Hakim yang belum berbuat demikian, adalah dikehendakki berusaha menjalankan perbicaraan dalam bahasa Kebangsaan.

Keterangan saksi:

4.1 Jika sesaorang saksi memberi keterangan dalam bahasa Kebangsaan, soal-jawab dan nota keterangan hendaklah dalam bahasa Kebangsaan.

- 3 -

4.2 Jika seseorang saksi memberi keterangan dalam bahasa Inggeris, untuk menjimat masa mahkamah, soal-jawab dan nota keterangan tidak perlu diterjemahkan ke dalam bahasa Kebangsaan.

4.3 Jika seseorang saksi memberi keterangan dalam bahasa lain daripada bahasa Kebangsaan atau Inggeris, soalan hendaklah dikemukakan dalam bahasa Kebangsaan, dan jawapannya diterjemah ke bahasa Kebangsaan.

Penghujahan:

5. Penghujahan hendaklah didalam bahasa Kebangsaan. Sesuatu pihak dalam sesuatu prosiding boleh memohon membuat hujah dalam bahasa Inggeris, dan Hakim boleh membenarnya berbuat demikian diatas kepentingan keadilan.



(TUN DATO' SERI MOHD. EUSOFF B. CHIN)  
Ketua Hakim Negara Malaysia.

s.k.:

Y.A.A. Presiden Mahkamah Rayuan

Y.A.A. Hakim Besar Malaya

Y.A.A. Hakim Besar Sabah & Sarawak

Y.A. Hakim Mahkamah Persekutuan

Y.A. Hakim Mahkamah Rayuan

Yg.Bhg. Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan

Pendaftar Mahkamah Tinggi

Pendaftar Mahkamah Rayuan

Pendaftar Mahkamah Khas

Timbalan Pendaftar

Penolong Kanan Pendaftar